



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/06/22\_33 (HQ)

### TNB AJAK PENGGUNA JADI LEBIH PEKA, BERHEMAMAH DALAM PENGGUNAAN ELEKTRIK

- Trend peningkatan penggunaan tenaga elektrik dikesan sejak April disebabkan faktor musim perayaan dan cuaca kering
- Para pengguna digalakkan terus mengamalkan tip penggunaan tenaga yang berhemah dan elakkan pembaziran tenaga
- Memanfaatkan aplikasi dan portal myTNB untuk memantau penggunaan agar pelarasan penggunaan tenaga dapat dibuat sebelum bil bulanan dikeluarkan

Tinggi atau rendah penggunaan tenaga berada di tangan para pengguna sendiri yang perlu membudayakan penggunaan pelbagai peralatan elektrik di kediaman masing-masing secara berhemah.

Bagi mengawal penggunaan tenaga, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengajak para pengguna agar lebih peka terhadap kaedah penggunaan setiap perkakas elektrik secara optimum, sekaligus mengelak penggunaan tenaga berlebihan.

Pengguna boleh melayari [www.mytnb.com.my/energy-efficiency/home-energy-savingtips/tips-tricks](http://www.mytnb.com.my/energy-efficiency/home-energy-savingtips/tips-tricks) untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai langkah penjimatan elektrik dengan bijak termasuk perkakasan seperti penyaman udara, kipas, lampu, mesin basuh, peti sejuk dan ketuhar gelombang serta bagaimana membuat pemilihan barangan elektrik yang cekap tenaga.

Cuaca kering dialami negara dengan purata hujan rendah sejak April dan diramalkan berterusan hingga Ogos, ditambah pula dengan musim perayaan Hari Raya Puasa, telah meningkatkan penggunaan tenaga elektrik.

Trend peningkatan berterusan apabila rekod tertinggi permintaan maksimum bekalan tenaga sebanyak 19,716 Megawatt (MW) dicatat pada 11 Mei 2023. Penggunaan tenaga ini dikesan meningkat bagi peralatan seperti penyaman udara dan kipas. Sekalipun cara penggunaannya sama termasuk dari segi tempoh masa serta suhu dilaraskan pada 24 darjah celsius, tenaga yang digunakan adalah lebih banyak berbanding bulan sebelumnya kerana sistem penyejuk bekerja lebih kuat dalam cuaca lebih panas.

Apabila jumlah kilowatt-jam (kWh) tenaga yang digunakan semakin meningkat, pengiraan bil akan melibatkan blok tarif yang lebih tinggi kadarnya, lantas pengguna akan menerima bil lebih tinggi. Blok tarif ini tidak berubah sejak kadar sedia ada ditetapkan pada 2014.

Justeru, TNB dari semasa ke semasa akan mengingatkan semua rakyat tentang amalan penggunaan elektrik berhemah bagi pelbagai peralatan termasuk di ruang tamu, di dapur, di bilik tidur dan bilik mandi dapat membantu menjimatkan penggunaan dan mengelak pembaziran tenaga.

Budaya penggunaan tenaga elektrik yang betul dan secara berhemah ini bukan sahaja perlu diamalkan dalam keadaan cuaca panas sekarang bahkan amat wajar menjadi amalan seterusnya untuk bersama-sama menyumbang kepada usaha sejangat ke arah kehidupan yang lebih lestari.

Sebagai satu masyarakat, kita perlu sedar dan peka bahawa penjimatan penggunaan tenaga boleh membantu usaha menangani perubahan iklim melalui pengurangan pelepasan karbon yang dijana oleh sumber bahan api fosil, sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan kehidupan manusia.

Mereka yang berkediaman dipasang meter pintar mempunyai kelebihan tambahan yang mana boleh memantau penggunaan elektrik harian dalam unit Ringgit ataupun kWh melalui portal myTNB ([www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my)) ataupun aplikasi myTNB.

Kelebihan utama meter pintar adalah dari segi ketepatan maklumat pengebilan serta membolehkan pengguna mendapat maklumat bagi tujuan pengurusan perbelanjaan tenaga isi rumah. Dengan informasi penggunaan elektrik secara harian, pengguna yang mempunyai meter pintar diberi pemerksaan diri untuk merancang dan mengawal penggunaan tenaga elektrik dengan lebih efisien.

Para pengguna digalakkan memuat turunkan aplikasi myTNB dan mendaftarkan akaun TNB mereka, sama ada premis dipasang meter pintar atau tidak, agar dapat mengenalpasti jumlah penggunaan elektrik secara bulanan, melihat sejarah penggunaan elektrik dan mudah menyemak bil elektrik agar pelarasan penggunaan tenaga dapat dibuat sebelum bil bulanan dikeluarkan.

Untuk pertanyaan bil ataupun berita dan tip kecekapan tenaga terkini, sila hubungi TNB CareLine di 1300-88-5454, Facebook TNB Careline dan Twitter@Tenaga\_Nasional.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Jun 2023, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

## BRIGHT WAYS TO SAVE ENERGY



- Turn off lights and fans before leaving the house.
- Clean the area around your air conditioner.
- Open up to natural light to save energy.
- Setting a timer on your air conditioner.
- **Use Energy Star appliances and equipment.**

5-star rated appliances are designed to run more efficiently, reducing your consumption.

Pengguna boleh melayari [www.mytnb.com.my/energy-efficiency/home-energy-savingstips/tips-tricks](http://www.mytnb.com.my/energy-efficiency/home-energy-savingstips/tips-tricks) untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai langkah penjimatan elektrik dengan bijak termasuk perkakasan seperti penyaman udara, kipas, lampu, mesin basuh, peti sejuk dan ketuhar gelombang serta bagaimana membuat pemilihan barangan elektrik yang cekap tenaga.